



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: I-M/KOKU/300-3/KRSM(106/2025)

Ruj. Kami: KPM.600-4/2/1 JLD 5 (2)

Tarikh : 30 Jun 2025

Pengerusi
Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh
6-1 Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah
43300 Seri Kembangan
Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PERTANDINGAN VIDEO
PENDEK KARNIVAL ANTARABANGSA PASUKAN BADAN BERUNIFORM BAGI
SEKOLAH RANGKAIAN RAKAN MUSLEH DAN TERBUKA TAHUN 2025 ANJURAN
SEKRETARIAT KADET REMAJA SEKOLAH MUSLEH**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 23 Jun 2025 dengan nombor rujukan I-M/KOKU/300-3/KRSM(106/2025) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu KPM membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan Video Pendek Karnival Antarabangsa Pasukan Badan Beruniform Bagi Sekolah Rangkaian Rakan Musleh dan Terbuka Tahun 2025**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil. 8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;
- 3.4 SPI. Bil. 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;

...2/-

- 3.5 SPI Bil. 9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan;
 - 3.6 Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.
4. Selaras itu, perkara yang perlu dipatuhi oleh pihak penganjur dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:
- 4.1 pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.
 - 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
 - 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
 - 4.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau program/aktiviti sekolah;
 - 4.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 4.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
 - 4.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
 - 4.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
 - 4.10 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
 - 4.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia** (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);

- 4.12 pihak penganjur dimohon untuk memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.13 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (Lampiran A)** kepada Pengarah BSKK, KPM tidak lebih dari **30 hari selepas tamat program**;
- 4.14 pihak penganjur dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.15 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Sekretariat Kadet Remaja Sekolah Musleh** yang akan menganjurkan **Pertandingan Video Pendek Karnival Antarabangsa Pasukan Badan Beruniform Bagi Sekolah Rangkaian Rakan Musleh dan Terbuka Tahun 2025** pada **15 Ogos hingga 18 September 2025**. Sebarang kebenaran untuk penganjuran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.

6. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Cik Arifah Ahmad** di talian **03-88721619** atau e-mel **arifah.ahmad@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

arifah/maklumbalas/

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
2.0 Tarikh Pelaksanaan:
3.0 Mod Pelaksanaan:
4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	NEGERI/ NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: *(***Jika berkaitan)*
7.0 Tetamu Kehormat (VIP): *(***Jika berkaitan)*
8.0 Pemenang: *(***Jika berkaitan)*

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan cabaran:
10.0 Cadangan penambahbaikan:
11.0 Gambar:

Disediakan oleh:

Nama
Jawatan
E-mel
No. Tel

Tarikh

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami:
Tarikh:

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1,2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p.: Cik Arifah Ahmad)

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM
ANJURAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak _____ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.17 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam _____ pada _____.

3. Pihak _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSCK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama) _____ di talian _____ atau e-mel _____.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan